

MATOA BUAH UNIK

Longan kristal Sarawak berpotensi besar untuk dikomersialkan dalam pasaran tempatan, antarabangsa

AGRO

Oleh Muhammad Saufi Hassan
saulfi@medaprima.com.my

Negara mempunyai banyak hasil pertanian yang boleh dikomersialkan, sekali gus memjana pendapatan ekonomi sama ada untuk petani ataupun hasil kepada negara jika merangkumi penanaman skala besar.

Hasil penyelidikan berterusan dapat melahirkan variasi tanaman yang lebih tahan kepada cuaca semasa termasuk menambah baik kualiti hasil pertanian sedia ada.

Antara contoh paling sesuai adalah tanaman tahan lasak longan kristal atau 'Matoa' Sarawak mempunyai potensi besar untuk dipasarkan secara meluas.

Buah berkemuaan yang dikenali secara saintifik sebagai *Pometia pinnata* adalah salah satu buah ikonik dari Sarawak.

ia juga turut dikenali sebagai buah tiga rasa mempunyai keunikan dan potensinya sebagai buah ikon kerana membabitkan keistimewaan daripada aspek botani, ekonomi dan persekitaran.

Buah ini istimewa dan menjadi ikon Sarawak kerana kulit buahnya akan berubah daripada hijau ketika belum matang sementara berwarna kuning, ungu, hijau dan merah apabila mencapai kematangan penuh.

Penyelidik Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) mengambil inisiatif menjalankan penyelidikan terhadap buah ini daripada pelbagai jenis aspek dan membantu Sarawak mengembangkan industri longan kristal kerana ia sukar ditanam di Semenanjung.

Penyelidik buah-buahan Jabatan Sains Tanaman, Fakulti Sains Pertanian dan Perhutanan UPMKB, Dr Shiamala Ramanya berkata, beliau memilih membuat penyelidikan longan kristal bagi memahami lebih lanjut berkaitan kepelbagaian genotip dan potensi buah untuk dikomersialkan.

"Persewaan ini memberi asas penting dalam usaha meningkatkan nilai komersial buah ini dalam pasaran tempatan dan antarabangsa.



"Apa yang dapat dilihat dalam penyelidikan, buah ini kaya dengan nutrien penting seperti mineral kalium dan antioksidan seperti fenolik dan vitamin C.

"Selain itu, buah ini mengandungi gula semula jadi yang tinggi di mana kandungan gula pamaran (glukosa dan fruktosa) lebih banyak berbanding gula bukan pamaran (aitu sukrosa," katanya.

Beliau berkata, kandungan karbohidrat, protein dan serat dalam buah juga tinggi dan amat diperlukan tubuh badan manusia.

Katanya, usaha penyelidikan dan pembangunan turut dijalankan untuk

Longan kristal ada potensi besar namun penanaman buah ini menghadapi beberapa cabaran

DR SHIAMALA

mempelbagaikan produk yang boleh dihasilkan daripada longan kristal.

Menurutnya, ia sekali gus dapat merangsang permintaan dalam pasaran tempatan serta membuka

pelebaran untuk pengiktirafan dan penggunaan di peringkat global.

"Longan kristal ada potensi besar namun penanaman buah ini menghadapi beberapa cabaran.

"Kesedaran terhad dalam kalangan petani, harga pasaran tidak menentu dan kekurangan amalan pengeluaran dan pemasaran seragam menyekat skalabiliti penanamannya.

"Kami berusaha mempromosikan amalan penanaman lestari, memperbaiki teknik pengendalian lepas jual dan memperkuatkan hubungan pasaran bagi meningkatkan daya saing buah ini di pasaran domestik dan antarabangsa," katanya.



CABARAN utama penanaman penanaman buah jenis ini adalah ia hanya hidup di Sarawak dan penanaman di Semenanjung masih dilaksanakan.



LONGAN kristal berpotensi menjadi tanaman komersial negara.



MATA BUAH ini unik kerana mempunyai tiga rasa.